

26/01/1998

Dana emas: MBM sedia jadi sekretariat

KUALA LUMPUR, Ahad - Majlis Belia Malaysia (MBM) menawarkan diri untuk menjadi sekretariat kepada penubuhan `Dana Emas' bagi merealisasikan cadangan Perdana Menteri supaya wanita negara ini menjual barang-barang kemas untuk membantu meningkatkan kecairan yang diperlu bagi menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Setiausaha Agungnya, Saifuddin Abdullah, berkata cadangan untuk menjadi sekretariat itu adalah hanya untuk mewakili pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerana MBM adalah satu daripada sembilan ahli Jawatankuasa Bertindak NGO Mempertahankan Kedaulatan Ekonomi Negara (Tindakan).

"Seperti yang dikatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, perlu ada badan atau pertubuhan tampil untuk melaksanakan cadangan yang meminta kaum wanita negara ini menjual barang-barang kemas bagi meningkatkan kecairan negara.

"Kami sudah berbincang dengan Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, dan sedang menunggu maklum balas dari persatuan lain untuk menggerakkan kempen ini.

"Jika berjaya, tumpuan kami bukan sekadar memujuk ahli-ahli wanita menukar barang-barang kemas mereka dengan tunai, bahkan jika boleh semua wanita di negara ini akan turut dipujuk berbuat demikian," katanya.

Baru-baru ini, Dr Mahathir mencadangkan supaya wanita negara ini yang banyak memiliki barang kemas supaya menjual sebahagian daripada milik mereka untuk meningkat kecairan negara.

Bagaimanapun, katanya, perkara ini perlu dibincang dengan teliti mengenai bagaimanapun ia boleh dilaksa-nakan dengan berke-san, serta siapa yang patut mengendalikan urusan itu.

Sementara itu, MBM dengan kerjasama Majlis Belia Selangor (MBS) serta beberapa pertubuhan NGO hari ini mengedar 50,000 risalah kempen Belanja Berhemat di sebuah kompleks membeli di Klang.

Sejumlah 300,000 risalah sudah diedar sejak kempen berkenaan dilancarkan pada 18 Disember lalu.

(END)